

01 MAR 1999

Mahathir-Islam

DR M: NEGARA ISLAM MESTI GUNAKAN KEKUATAN UNTUK FAEDAH BERSAMA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

DHAKA, 1 Mac (Bernama) -- Negara-negara Islam mesti menggerakkan aset dan kekuatan jati masing-masing bagi faedah bersama untuk berjaya di medan global yang serba mencabar ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

"Dunia Islam mempunyai kemahiran dan intelek yang mencukupi dan ini boleh digunakan sebaik-baiknya bagi membantu kita membina negara kita dan menyaingi negara-negara lain di dunia ini," kata Perdana Menteri dalam ucapannya pada sidang kemuncak kedua kumpulan lapan negara membangun Islam (D-8) yang sedang berlangsung di sini.

"Bagaimanapun, mereka ini menggunakan bakat mereka di tempat lain kerana kita tidak memberikan kemudahan yang mereka perlukan," katanya.

"Kita perlu membawa mereka pulang, kita perlu mewujudkan suasana yang menarik bagi mereka dan bersesuaian dengan kerja mereka," tegas beliau.

D-8 yang ditubuhkan di Istanbul pada bulan Jun 1997 dan merangkumi Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki, bertujuan mempertingkatkan kerjasama ekonomi melalui projek-projek konkrit dan yang boleh dikendalikan.

Terdahulu, sidang kemuncak ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina. Antara pemimpin-pemimpin D-8 lain yang hadir ialah Presiden Turki Suleyman Demirel dan Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif.

Sambil menyeru supaya negara-negara Islam bersatu, Dr Mahathir berkata, "kita mesti melihat dunia dari kaca mata ummah secara keseluruhannya."

"Hanya ada satu sebab kita perlu bersatu, berbincang antara satu sama lain

-- dan ini ialah kerana kita tahu faedah bekerja sama dan menyedari kewajipan

kita bersama," katanya.

Dr Mahathir berkata di kalangan negara-negara Islam terdapat kekayaan dan potensi yang besar, tetapi ini semua tidak menyumbang kepada kebajikan atau kemajuan negara-negara Islam lain.

"Tiada satupun di antara kita yang boleh mendakwa menjadi kuasa yang berkesan dalam arena antarabangsa hari ini," kata beliau.

"Sedang kita berada dalam abad ke-15, negara-negara lain di dunia nampaknya berada dalam abad ke-20. Mereka sekarang menuju ke arah abad ke-21 dan alaf ketiga.

"Dalam banyak perkara, mereka nampaknya telah meninggalkan kita beberapa abad ke belakang dan sekarang mereka telah memperkenalkan ide-ide dan teknologi baru yang kita tidak bersedia menerimanya kerana kita seolah-olah tidak berupaya mengendalikannya," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan negara-negara Islam tentang akibat globalisasi di mana kekayaan sesebuah negara itu mungkin diperalatkan bagi faedah pihak lain dan bukan negara berkenaan itu sendiri.

Satu lagi bahaya, kata beliau, ialah pengaliran bebas modal ke luar negara yang memberi peluang kepada spekulator memiliki lebih banyak wang daripada kerajaan dan menyerang matawang hingga membawa kesan yang dahsyat.

"Mereka telah menggunakan wang kita untuk melabur di negara kita dan kemudian secara tiba-tiba menarik keluar pelaburan mereka bagi menjadikan kita tidak stabil dan miskin," katanya sambil menambah bahawa Malaysia telah menjadi mangsa spekulasi sedemikian.

"Ternyata, kita tidak pintar menggunakan kekayaan dan pengaliran bebas

modal kita, banyak wang kita digunakan sebagai tebusan untuk menentang kita," katanya.

Beliau memberitahu perhimpunan negara-negara Islam itu bahawa serangan ke atas matawang dan pasaran saham hanyalah merupakan satu permulaan.

"Kita boleh jamin bahawa tafsiran lebih baru tentang globalisasi akan dibuat dan ini akan membuka cara-cara lebih baru bagi negara kaya memperalatkan negara miskin," tegas Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MR MA NMO